

KENYATAAN AKHBAR

MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2017: KUALITI DAN KESELAMATAN PACU TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN

Menteri Kerja Raya pengerusikan meja bulat dengan penggiat industri pada Persidangan Kepimpinan Keselamatan Pembinaan Antarabangsa

Kuala Lumpur, 13 April 2017 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Malaysia hari ini melancarkan **Minggu Pembinaan Antarabangsa 2017 (ICW 2017)** yang memberi fokus untuk mencetus perbincangan antara pemimpin berwawasan dalam bidang ***Kualiti dan Keselamatan***, salah satu teras transformasi industri pembinaan Malaysia.

Malah, semasa ICW 2017, Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Yusof, akan pengerusikan perbincangan meja bulat dengan penggiat industri pada Persidangan Kepimpinan Keselamatan Pembinaan Antarabangsa yang julung kali diadakan sempena edisi ICW ke-17 bagi memajukan prestasi keselamatan dan kesihatan dalam industri.

Mengulas tema ICW 2017 ***“Ke Arah Meningkatkan Kualiti dan Keselamatan Dalam Pembinaan”***, Dato' Sri Haji Fadillah berkata: “Kualiti dan keselamatan sentiasa dipentingkan dalam industri pembinaan. Di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme merupakan teras strategik pertama dalam agenda transformasi industri. Kualiti dan keselamatan, apabila digabungkan, menjadi formula yang amat berkesan untuk meningkatkan imej dan persepsi industri pembinaan Malaysia di khalayak ramai dan seluruh dunia.

“Pada peringkat antarabangsa dan juga nasional, prestasi industri pembinaan sentiasa diukur berdasarkan pencapaian kualiti dan keselamatan. Bagi Malaysia, yang berada di ambang menjadi negara maju, sudah pasti lebih penekanan perlu diberikan kepada peningkatan prestasi kualiti dan keselamatan ke tahap yang lebih tinggi,” tambah beliau.

Sementara itu, Persidangan Kepimpinan Keselamatan Pembinaan Antarabangsa yang merupakan satu acara kemuncak ICW 2017 akan memaparkan pembentangan **Construction Design Management (CDM)** yang merupakan rujukan utama industri untuk pembinaan yang lebih selamat dan berkualiti tinggi. CDM adalah peraturan mandatori yang dilaksanakan di United Kingdom dan Singapura dengan prinsip *Prevention Through Design* (pencegahan melalui reka bentuk) di mana setiap pihak dalam proses pembinaan daripada peringkat konsep hingga siap adalah bertanggungjawab untuk kesihatan, keselamatan dan kebajikan projek. Dengan ini, CDM memastikan risiko kesihatan dan keselamatan dapat dijangka dan diurus pada setiap peringkat proses pembinaan.

“CDM dilaksanakan atas prinsip bahawa untuk mencetus kemajuan dalam prestasi keselamatan dan kesihatan industri pembinaan, setiap *stakeholder* harus bekerjasama ke arah satu set objektif yang sama. CDM mengakui bahawa semua *stakeholder* dalam proses pembinaan berkongsi tanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan kesihatan dalam seluruh proses. Malah, entiti yang teratas dalam rantai nilai – klien atau pemilik projek - memegang tanggungjawab utama. Kita mesti memberi komitmen sepenuhnya kepada transformasi industri dengan tahap kualiti dan keselamatan yang lebih tinggi selaras tema ICW 2017,” kata Dato’ Sri Haji Fadillah.

Berasaskan CDM, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah merangka **Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan** yang meletakkan Keselamatan dan Kesihatan sebagai fokus sepanjang proses pembinaan dari konsep, reka bentuk hingga perancangan dan pengurusan projek-projek binaan. Ia menyediakan industri untuk melihat keselamatan dan kesihatan sebagai sesuatu yang perlu dan dianggap normal dalam pembangunan projek.

Turut berlangsung pada perasmian ICW 2017 ialah majlis penyerahan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan oleh Ketua Pengarah JKKP Dato' Ir Mohtar Musri kepada ketua-ketua agensi di bawah Kementerian Kerja Raya bermula dengan Dato' Ir Ahmad Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB; Dato' Sri Ir Dr Roslan Md Taha, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya dan Presiden Lembaga Jurutera Malaysia; Datuk Ir Hj Ismail Md Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia; Dato' Sri Ar Dr Amer Hamzah Mohd Yunus, Presiden Lembaga Arkitek Malaysia; dan Dato' Sr Aziz Abdullah, Presiden Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Majlis tersebut yang disaksikan Dato' Sri Haji Fadillah dan timbalan beliau, Datuk Rosnah Rashid Shirlin, serta ketua setiausaha kementerian Dato' Sri Zohari Haji Akob melambangkan komitmen kementerian melalui semua agensinya bekerjasama rapat dengan JKKP untuk mengamal dan mempromosi garis panduan berkenaan kepada penggiat industri pembinaan.

"ICW adalah platform utama bagi industri pembinaan di rantau Asia Tenggara, maka adalah penting CIDB memanfaatkan peluang ini untuk mendidik semua penggiat industri tentang empat teras strategik CITP. Bagi tahun 2017, penekanan diberi kepada teras strategik Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme kerana kami percaya teras ini adalah tiang utama transformasi industri," kata Dato Ahmad Asri.

CITP adalah program lima tahun yang dilancarkan pada 2015 untuk mencemerlangkan industri pembinaan menjadi berproduktiviti tinggi dan penyumbang terpenting kepada sasaran Malaysian menjadi negara berpendapatan tinggi. CITP menggariskan matlamat strategik dan penanda pencapaian untuk menganjak industri pembinaan ke tahap yang lebih tinggi.

Empat teras strategik CITP ialah:

- 1. Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme**
- 2. Kelestarian Alam Sekitar**
- 3. Produktiviti**
- 4. Pengantarabangsaan**

Di bawah teras strategik kualiti, keselamatan dan profesionalisme, CITP menetap sasaran mengurangkan 50 peratus kadar kematian dan kecederaan di tapak

pembinaan menjelang 2020. Matlamat itu didasarkan kepada kadar kecederaan maut 10.94 per 100,000 pekerja pembinaan pada tahun 2015 .

“Pada masa kini, terdapat spektrum yang luas meliputi isu-isu kualiti, keselamatan dan profesionalisme dalam industri pembinaan. Ia termasuk kurang penekanan kepada penilaian kualiti dan jaminan, tapak kerja yang buruk dan rangka kerja kawal atur yang kompleks. Dengan segala perbincangan dan perkongsian pengetahuan di ICW 2017, saya percaya kita akan selangkah lebih dekat ke arah meningkat dan menerapkan kualiti, keselamatan dan profesionalisme dalam budaya industri pembinaan secara keseluruhannya,” kata Dato’ Ahmad Asri.

ICW 2017 menjadi tuan rumah kepada 15,000 profesional industri daripada komuniti pembinaan antarabangsa untuk bertemu dan berkongsi idea. Lebih 100 peserta mempamerkan produk, teknologi, projek dan juga menjalin perkongsian baru di **Ecobuild Southeast Asia**, pameran utama acara tahunan berprestij itu.

Persidangan dan seminar utama yang dijadualkan pada ICW 2017 termasuk:

1. *Seminar “Towards Excellence in Construction – Beyond Accolades”*
2. 2017 Sidang Kemuncak Pembinaan Malaysia ke 8
(*8th Malaysian Construction Summit 2017*)
3. Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2017
4. *Construction Contract Management by Excellence – Construction Dispute Avoidance: The First Line of Defence in Contractual Dispute Management & Resolution*
5. Persidangan Kepimpinan Keselamatan Pembinaan Antarabangsa
6. Perbincangan Meja Bulat Mengenai Penerapan Budaya Keselamatan dalam Industri Pembinaan

Pelbagai aktiviti juga diadakan sempena ICW 2017 bagi menarik minat mereka yang ingin menceburi industri pembinaan sebagai profesional, seperti Pameran Kerjaya Pembinaan, Pertandingan Idea Terbuka dan *Chemical Research Paper Competition*.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Abdul Rakis Santa (rakis@cidb.gov.my) 03-40477008 / 012-6200360

Noryani Ismail (noryani@cidb.gov.my) 03-40477027 / 019-2856867